

20 MARCH 1998

Golf-Sabah

SABAH MASTERS BERTUKAR KE SHAN SHUI

KUALA LUMPUR, 20 Mach (Bernama) -- Gelanggang golf terbaru, Shan Shui Golf and Country Club buat julung kalinya diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah kepada kejohanan terkemuka, Sabah Masters yang akan berlangsung dari 6 hingga 9 Ogos ini.

Pengarah eksekutif Persatuan Golf Profesional Asia (Asian PGA), Ramlan Harun berkata kejohanan kali ke-17 itu adalah sebahagian daripada Jelajah Omega Asian PGA yang akan menawarkan hadiah wang tunai berjumlah AS\$200,000.

"Ianya sangat penting bagi Jelajah Omega kerana tempat baru itu adalah gelanggang terbaik di rantau ini untuk menjadi sebahagian daripada gelanggang pada pusingan kejohanan itu," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Gelanggang tradisi bagi Sabah Masters sejak ia diperkenalkan pada tahun 1982 ialah di Sabah Golf and Country Club.

Ramlan berkata keputusan menukar gelanggang itu tahun ini adalah untuk memberi peluang kepada kejohanan itu menjelajah lokasi-lokasi golf terbaru di Sabah yang semakin bertambah.

"Shan Shui menyediakan kemudahan terkini dan pastinya dapat menyediakan keperluan untuk Jelajah Omega," katanya.

Kelab yang mempunyai keluasan 6,444 meter persegi dan menawarkan 72 par itu telah dibuka dengan rasminya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada September tahun lepas.

Sabah Masters pertama kali menjadi sebahagian daripada Jelajah Omega yang menyaksikan pemain Thailand Thaworn Wiratchant merangkul kejuaraan pada tahun 1996. -- BERNAMA

MS AHH